



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 18 TAHUN 2007

PENGISYTIHARAN PERSATUAN IKHTISAS

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk mengisytiharkan persatuan ikhtisas di bawah Perintah Am 45 Bab C.

PENGISYTIHARAN

2. Dengan ini, Persatuan Pegawai Syar'iah Malaysia diisytiharkan sebagai Persatuan Ikhtisas di bawah Perintah Am 45 Bab C.

PINDAAN

3. Jadual Persatuan-persatuan Ikhtisas dalam Lampiran "A" kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1977 adalah dipinda dengan menambah nama persatuan yang berikut:

"Persatuan Pegawai Syar'iah Malaysia"


TARIKH KUATKUASA

4. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

PEMAKAIAN

5. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Surat Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(TAN SRI ISMAIL ADAM)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

21 Disember 2007

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y. B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan